



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PERDAGANGAN
Kertas 2
Ogos/Sept.
2 jam**

3755/2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda dalam **Buku Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Anda boleh menggunakan **Kertas Helaian Tambahan** jika helaian dalam **Buku Jawapan** tidak mencukupi.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak


Bahagian A

[75 markah]

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*

- 1 (a) Huraikan **tiga** proses penciptaan nilai faedah dalam proses pengeluaran. [9 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti pengeluaran Encik Mokhtar.
- Encik Mokhtar pemilik Kilang Sedap Sendirian Berhad di Johor. Kilangnya menghasilkan keluaran berasaskan ikan seperti kek ikan, bebola ikan dan keropok ikan. Pkerjanya dibahagikan kepada bahagian pemprosesan, pembungkusan dan penghantaran. Beliau memperoleh sumber bekalan ikan daripada pembekal di Mersing dan Terengganu.
- (i) Nyatakan jenis pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti tersebut. [1 markah]
- (ii) Mengapakah Encik Mokhtar mengamalkan jenis pengeluaran di 1(a)(i)? [5 markah]
- (c) Jelaskan bagaimana aktiviti perniagaan seorang pembekal buku boleh dibantu oleh bantuan perniagaan berikut:
- (i) Perbankan [5 markah]
- (ii) Komunikasi [5 markah]

- 2 (a) Rajah menunjukkan jenis pemborong saudagar.



Jelaskan jenis pemborong X.

[3 markah]

- (b) Terangkan bagaimana fungsi pemborong diambil alih oleh pengeluar.

[6 markah]


- (c) Urus niaga berikut adalah di antara Kedai Warna Sendirian Berhad dengan pembekal alat tulis Syarikat Pelangi Berhad.

Tarikh	Urus niaga
7 April 2008	Syarikat Pelangi Berhad mengirimkan invois bernilai RM765 setelah ditolak diskaun niaga RM135.
12 April 2008	Syarikat Pelangi Berhad mengirimkan nota kredit untuk nilai RM15.60.

- (i) Hitungkan peratus diskaun niaga yang dinikmati oleh Kedai Warna Sendirian Berhad. [2 markah]
- (ii) Jelaskan mengapa Syarikat Pelangi Berhad menghantar dokumen untuk urus niaga pada 12 April 2008? [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- (d) Gambar menunjukkan barangan yang dibekalkan oleh pembekal kepada Pasar Mini Maju.




- (i) Jelaskan kaedah jualan yang digunakan oleh pembekal tersebut. [4 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kelebihan kaedah jualan di 2(d)(i) kepada pemilik Pasar Mini Maju. [6 markah]
- 3 (a) Nyatakan **lima** halangan yang dihadapi dalam perniagaan antarabangsa. [5 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan sebuah koperasi.

Koperasi Cemerlang Berhad telah ditubuhkan oleh penduduk Taman Jaya, Kulai dengan modal syer terkumpul RM200 000. Pada tahun 2007 koperasi mempunyai lebih RM60 000 dan bercadang menyimpan RM10 000 sebagai rizab. Koperasi mengisytiharkan 6% faedah atas modal. Jumlah belian pada tahun tersebut ialah RM400 000.

- (i) Hitungkan kadar rebat yang diterima oleh anggota koperasi tersebut. [5 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kelebihan koperasi tersebut kepada penduduk Taman Jaya, Kulai. [4 markah]
- (c) Jelaskan tujuan penswastan yang dilaksanakan oleh kerajaan. [5 markah]

- (d) Terangkan mengapakah harga saham di pasaran sentiasa turun naik? [6 markah]
- 4 (a) Jelaskan **empat** peranan insurans kepada peniaga [4 markah]
- (b) Rajah menunjukkan jenis insurans kemalangan.



- (i) Nyatakan jenis insurans X. [1 markah]
- (ii) Jelaskan jenis insurans X di 4(b)(i). [7 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Kay.

Puan Kay telah membeli sebuah rumah di Taman Anggerik Johor dengan harga RM100 000. Beliau terpaksa menunggu sehingga 5 tahun untuk mendapatkan rumahnya. Beliau terkejut apabila mendapati rumahnya retak, bocor dan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Puan Kay mengadu masalah tersebut kepada pihak pemaju tetapi mereka tidak menghiraukan aduannya. Beliau merasa tertipu dan membawa perkara tersebut ke mahkamah untuk diambil tindakan.

- (i) Berikan **dua** hak Puan Kay yang telah diabaikan oleh pemaju? [2 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** tanggungjawab pemaju kepada Puan Kay? [6 markah]

- (d) Maklumat berikut adalah petikan daripada sebuah akhbar tempatan.

KRIM PEMBAKAR

Suri rumah merana wajah melecur selepas guna produk kecantikan


Khamis – 19 Jun 2008.

Kuala Lumpur, seorang wanita yang berhasrat menegang kulit muka mendakwa menderita akibat kesan daripada penggunaan sejenis krim kosmetik berikutan wajahnya menjadi lebam dan berwarna kehitaman seperti dibakar.

Sumber : Harian Metro


Berdasarkan situasi dalam petikan, bagaimanakah hak suri rumah tersebut dapat dilindungi oleh kerajaan. [5 markah]

- 5 (a) Gambar menunjukkan dua jenis pengangkutan yang boleh digunakan oleh Syarikat Emas Mek Ani untuk menghantar keluarannya.



Tentukan jenis pengangkutan yang sesuai dipilih oleh Syarikat Emas Mek Ani. Kemukakan alasan anda. [7 markah]

- (b) Gambar menunjukkan logo sebuah syarikat pengeluar.



- (i) Namakan syarikat tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan peranan syarikat di 5(b) (i). [5 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Pak Ali.

Pak Ali seorang nelayan laut dalam di Rompin, Pahang. Hasil tangkapan Pak Ali disimpan dalam gudang sebelum dijual kepada pemborong

- (i) Jelaskan jenis gudang yang digunakan. [6 markah]
- (ii) Terangkan kepentingan gudang di 5(c) (i) kepada Pak Ali. [6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Encik Roslan ialah pemilik perusahaan halwa nanas tempatan di Pekan Nanas, Johor. Beliau yang memiliki pendidikan setakat tingkatan lima telah memulakan perniagaan tersebut dengan wang simpanannya sendiri. Beliau dibantu oleh sepuluh orang pekerja yang terdiri daripada jirannya. Hasil usaha yang gigih, halwa nanas beliau mendapat sambutan yang menggalakkan di pasaran tempatan. Encik Roslan kerap dijemput menghadiri kursus anjuran agensi kerajaan serta diberi bimbingan oleh pegawai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dalam usaha mempertingkatkan mutu pengurusan dan pengeluaran perusahaannya.

Semua urusan pembelian dan penjualan dilakukan secara tunai oleh Encik Roslan sehinggalah beliau kadangkala terpaksa membawa wang yang banyak bersama-sama. Beliau pernah disamun ketika dalam perjalanan untuk membuat pembayaran kepada pembekal sehingga mengalami kerugian. Encik Roslan membuat keputusan untuk melakukan pembayaran menggunakan cek. Beliau telah membuka akaun semasa di Bank Merdeka Berhad, Pekan Nanas. Pada 6 Mei 2008 Encik Roslan membayar sebanyak RM3 000 kepada Encik Tan Kok Seng yang mempunyai akaun di Bank Sepakat Berhad. Encik Tan Kok Seng meminta Encik Roslan menyediakan cek berpalang khas untuknya.

Memandangkan permintaan terhadap halwa nanasnya di pasaran tempatan semakin meningkat, Encik Roslan berhasrat untuk meluaskan pasaran sehingga ke peringkat antarabangsa. Beliau bercadang untuk mengiklankan produknya melalui media elektronik.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) (i) Nyatakan **dua** kegiatan Industri Kecil dan Sederhana yang dijalankan oleh Encik Roslan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan mengapa kerajaan menggalakkan kegiatan industri di 6(a)(i). [6 markah]
- (b) (i) Lakarkan cek yang telah dikeluarkan oleh Encik Roslan. [6 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kebaikan penggunaan cek di 6(b)(i). [4 markah]
- (c) (i) Cadangkan media elektronik yang sesuai digunakan oleh Encik Roslan. [1 markah]
- (ii) Kemukakan alasan anda. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT